

Cabaran mahasiswa di institusi pengajian tinggi

UB 29.10.2014 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

INSTITUSI pendidikan di Malaysia memberi peluang yang luas dan saksama kepada pelajar lelaki dan perempuan untuk berjaya sehingga ke universiti. Keadaan ini sangat berbeza pada tahun-tahun sebelum dan 30 tahun selepas merdeka. Kini, persaingan untuk mendapat tempat di menara gading, kolej atau institusi pengajian tinggi swasta mengalami gelombang pelajar yang lebih bijak dan mempunyai keupayaan intelek yang lebih baik.

Kelompok pelajar atau mahasiswa yang rata-ratanya di bawah umur 25 tahun berkembang sebagai kelompok yang sangat istimewa di dalam masyarakat kerana mereka bakal mencetuskan hala tuju baharu dalam era kepimpinan Malaysia 50 tahun yang akan datang. Maju atau

mundurnya sesebuah negara adalah bergantung kepada keintelektualan rakyatnya. Oleh sebab itu dalam memastikan sektor pendidikan di Malaysia berkembang maju pelbagai transformasi telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan dasar-dasar yang ada diperbaharui selari dengan perkembangan intelektual masyarakat dunia.

Dalam hal ini, kepimpinan negara mengambil berat dalam merealisasikan masyarakat Malaysia ke arah yang lebih maju, dinamik dan mampu meraih kejayaan di peringkat dunia. Harapannya kini sebenarnya berada di bahu mahasiswa pada masa sekarang. Hal ini disebabkan mereka yang telah diberi dengan pelbagai kemudahan, sama ada secara fizikal, mental ataupun spiritual melalui bantuan kewangan, infrastruktur yang selesa dan pelbagai program dari semasa ke semasa.

Dalam Bajet 2015, pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM56 bilion kepada Kementerian Pendidikan

untuk membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran pada tahun hadapan. Melalui peruntukan yang begitu besar sudah tentu harapan pihak kerajaan juga tinggi kepada generasi pelapis negara untuk mengurus dan membelanjakan setiap sen tersebut setimpal dengan peningkatan keintelektualan mereka dan meneruskan legasi kemajuan dan perpaduan mengikut Perlembagaan Negara.

Umumnya mengetahui golongan mahasiswa adalah terdiri daripada kelompok yang sebenarnya masih keliru dan hilang arah tujuan serta masih lagi mencari-cari identiti dan entiti mereka sebagai mahasiswa. Mereka adalah golongan remaja akhir yang sedang menuju ke alam awal dewasa dan mengalami ketidakseimbangan psikologi pada awalnya namun setelah menerima penugahan dari persekitaran dan keupayaan untuk membuat penyesuaian dan penerima diri, golongan ini akan bersedia memikul gelaran mahasiswa yang merupakan insan yang menjadi

harapan nusa dan bangsa.

Namun ada dalam kalangan mereka tidak berupaya membuat penyesuaian psikologi, kadang kala seolah-olah tidak tahu apa yang seharusnya dilakukan dan mungkin juga ada yang langsung tidak mengambil berat dan endah tak endah berkenaan perkara itu sehinggakan terbawa-bawa hingga ke alam pekerjaan.

Sekiranya situasi itu berterusan ia menyebabkan mereka tidak berupaya untuk mempunyai keyakinan pada diri sendiri; hilang rasa bangga sebagai seorang mahasiswa; malu berhadapan dengan masyarakat; takut kepada cabaran; kurang persediaan; tidak bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan sesuatu tugasan; hilang arah tujuan dan matlamat hidup; semangat kerja yang mundur di tidak mempunyai motivasi serta pelbagai sikap negatif yang sering kali menghantui mahasiswa semasa pengajian dan selepas tamat pengajian.

Sewajarnya mahasiswa mempunyai

identiti tersendiri. Malahan pada usia yang semakin meningkat dan berada dalam gedung ilmu, golongan ini seharusnya mempunyai prinsip hidup dan ideologi yang matang untuk membantu kepimpinan negara dalam meneruskan legasi. Namun begitu ketiadaan jati diri dan kurang mengerti erti pengorbanan generasi terdahulu telah memudahkan anasir luar menggoyahkan prinsip berkenaan.

Apatah lagi ketiadaan ilmu pengetahuan dalam bidang agama menyebabkan kehidupan mereka semakin tidak memberi erti kepada pengorbanan generasi terdahulu dan juga kepada kesucian agama Islam. Oleh sebab itu, entiti dalaman mereka mudah dicerobohi. Lantaran itu pembelajaran sepanjang hayat dan bersedia untuk membuat transformasi diri ke arah kebaikan amat diperlukan selari dengan tuntutan agama.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS